

PEMBINAAN MASJID MADANI

Hikmah berunding

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor dan
Muhamad Lokman
Khairi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan pembinaan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah di sini, sebagai bukti kebijaksanaan, kekuatan dan kemuliaan Islam dalam berunding.

Ia susulan persetujuan pihak Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman berpindah ke lokasi baharu untuk memberi laluan kepada pembinaan masjid baharu milik Kumpulan Jakel di

tapak berkenaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil pendekatan berhikmah termasuk berunding dengan pihak kuil bagi memastikan pembinaan masjid itu berjaya direalisasikan.

“Saya nak ajak, kita lihat umpamanya dalam kemelut ini memang betul rakan-rakan saya dan jemaah menteri tahu dari awal saya kata tegas runding... ya, tolak ansur... tapi tidak berganjak daripada keputusan kita bahawa masjid wajib didirikan di sini, tapi harus ada hikmah.

“Saya nak dengan sedikit sebanyak pergeseran itu saudara jawatankuasa baru dengan majlis agama cari

jalan, ada majlis bawa semula persahabatan kita.

“Negara ini harus tegak sebagai negara yang aman, hanya negara yang aman yang keselamatannya terjamin,” katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Masjid Madani di Lot 328, Jalan Munshi Abdullah di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Pengarah Urusan Kumpulan Jakel Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel.

Kontroversi kuil Dewi Sri Pathrakaliamman bermula

apabila struktur semasanya yang terletak di Jalan Munshi Abdullah, dikatakan dibina pada 1893, beberapa dekad sebelum Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi pendahulunya ditubuhkan.

Selepas merdeka, DBKL menjadi pemilik tanah terbabit, sebelum dijual kepada Jakel pada 2014.

Jakel baru-baru ini, mengumumkan rancangan untuk membina masjid yang akan dinamakan Masjid Madani atas tapak berkenaan.

Mengulas lanjut, Anwar mengingatkan semua pihak supaya tidak melampaui batas dalam mengulas isu kuil terbabit.